

# Pak Lah yakinkan Jepun tiada perubahan kerajaan

Daripada Wan Esurianty Wan Ahmad

BAH 11/7/03  
TOKYO: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam meyakinkan Jepun, khususnya pe-  
labur negara itu, bahawa peralihan kepe-  
mimpinan Malaysia pada November ini tidak  
membabitkan perubahan rejim atau kera-  
jaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, walau-  
pun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir  
Mohamad tidak lagi menerajui kerajaan, Ba-  
risan Nasional (BN) tetap kekal berkuasa  
seperti lebih 45 tahun lalu.

"Pada November ini, akan berlaku peruba-  
han kepimpinan tetapi tidak akan ada per-  
ubahan pada rejim.

"Perkhidmatan awam kami tidak berubah.

Sistem perundangan, sistem pentadbiran,  
teknokrat utama, budaya politik, sistem eko-  
nomi dan perkara asas kami tidak akan  
berubah.

"Keghairahan, keutamaan dan aspirasi  
kami juga tidak akan berubah," katanya  
ketika menyampaikan ucapan pada forum  
perniagaan bertajuk "Kesesambungan, Per-  
ubahan dan Kerjasama: Jepun dan Malaysia  
Bekerjasama" anjuran bersama Institut Ka-  
ajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) serta  
Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (Jetro)  
di sini.

Forum sehari yang dianjurkan sempena  
lawatan rasmi Abdullah selama tiga hari ke  
Jepun atas jemputan kerajaan negara itu,  
dihadiri kira-kira 500 ahli korporat dari Jepun  
dan Malaysia.

Rombongan Abdullah turut disertai Men-  
teri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar,  
Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamalud-  
din Jarjis, Menteri Perdagangan Antara-  
bangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz,  
Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar  
Datuk Law Hieng Ding serta Menteri Kebu-  
dayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk  
Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Abdullah yang akan mengambil alih kepe-  
mimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana  
Menteri kelima dalam masa empat bulan  
lagi, menjelaskan bahawa beliau berhasrat  
untuk meneruskan segala dasar termasuk  
dasar ekonomi, sosial dan budaya yang telah  
dibentuk Dr Mahathir.

**LIHAT MUKA 2 ►**

# Malaysia terus jadikan Jepun sebagai model

## ► DARI MUKA 1

“Saya akan teruskan polisi luar ini yang berasaskan kepada logik dan digerakkan kuat oleh pemikiran waras,” katanya sambil menambah kerjasama dengan Jepun sudah menjadi sebahagian daripada prosedur operasi asas bagi Malaysia.

Abdullah berkata, biarpun Jepun menghadapi masalah ekonomi dan dianggap sebagai negara yang sudah ‘berlalu’ dan tiada masa depan, Malaysia akan terus belajar dari negara itu.

“Ramai orang Jepun bertanya kepada kami sama ada Malaysia masih mahu belajar dari Jepun. Biar saya katakan dengan jelas proses pembelajaran dari Jepun akan diteruskan.

“Kami belajar daripada kejayaan dan kegagalan anda, dan bagaimana anda menguruskan semua masalah berkaitan,” katanya.

Justeru, katanya, Dasar Pandang ke Timur yang dilaksanakan Dr Mahathir pada 1981 dan telah meletakkan asas kukuh dalam hubungan antara Malaysia-Jepun, akan tetap diteruskan.

“Jepun terus menjadi model bagi mengimbangkan antara tradisi sosial dan moden, walaupun Malaysia terus menjadi contoh untuk mengimbangkan antara tradisi agama dan kemodenan, sekurang-kurangnya di dunia Islam,” katanya.

Pada masa sama, Abdullah berkata, Malaysia dan negara lain di Asia Timur menghargai Jepun sebagai sahabat, terutama ketika krisis kewangan pada 1997 dan 1998.

Timbalan Perdana Menteri turut menyentuh Wawasan 2020 Dr Mahathir yang menjadi visi beliau dalam menjadikan Malaysia bukan saja negara ekonomi maju menjelang 2020, tetapi juga masyarakat makmur dengan ekonomi yang kompetitif, dinamik, kukuh dan bersemangat.

Abdullah yang memberikan penghargaan kepada Dr Mahathir sebagai seorang daripada ma-

nusia terbaik yang dilahirkan Malaysia sejak lebih 500 tahun lalu, berkata sangat sukar untuk menjejaki langkahnya.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak menganggap dirinya sebagai ‘berpayung terjun’ ke dalam kerajaan atau politik Malaysia.

“Saya memulakan karier saya sebagai kakitangan awam 39 tahun lalu, sebelum menceburi bidang politik dan memenangi kerusi Parlimen Kepala Batas pada 1978.

“Saya juga berkhidmat dengan empat Perdana Menteri dan menjadi menteri kepada beberapa kementerian sehingga memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri sejak 1999.

“Dengan itu, saya banyak terlibat dengan keputusan-keputusan penting yang menjadi asas utama dasar luar dan dalam negara Malaysia,” katanya.

Mengenai kebangkitan pasaran China kepada pelaburan luar asing (FDI), Abdullah berkata, Malaysia turut merasai cabaran itu tetapi berpendapat rantau ini juga menghadapi pelbagai cabaran lain.

Bagaimanapun, beliau berkata, Malaysia sebagai negara yang mempunyai ekonomi sederhana, bukan meminta untuk monopoli semua pelaburan tetapi hanya ingin sesuatu jumlah yang adil.

Pada sesi dialog pula, Abdullah yang ditanya mengenai risiko pelabur asing kepada pengganasan yang dikaitkan dengan Islam, berkata Malaysia tidak pernah dan tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana unsur keganasan.

“Islam tidak pernah mengajar penganutnya untuk bertindak ganas. Kami mencintai keamanan dan berkawan dengan semua orang tanpa mengira agama. Cuma ada segelintir kumpulan yang menggunakan Islam untuk kepentingan ekstremis mereka,” katanya.

Pengarah Pusat Penyelidikan Keselamatan Global, Universiti Keio yang juga bekas Menteri Kewangan Jepun, Prof Eisuke Sakakibara dan Pengerusi Jetro, Osamu Watanabe, turut menjadi ahli panel pada sesi dialog itu dengan Pengerusi Isis, Tan Sri Dr Noordin Sopiee bertindak sebagai moderator.